


LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL JIKA LONCENG AMARAN KEBAKARAN BANGUNAN BERBUNYI

Lonceng amaran kebakaran bangunan berbunyi disebabkan beberapa perkara seperti adanya kejadian kebakaran pada bangunan, berlaku masalah teknikal kepada sistem amaran kebakaran bangunan dan adanya perbuatan pekerja merokok/ *vaping* di dalam bangunan. Selaku pekerja, setiap kali lonceng amaran kebakaran berbunyi ianya hendaklah dianggap satu kejadian kebakaran yang benar berlaku.

Tanggungjawab Pekerja adalah:

- Berhenti dari meneruskan perkerjaan sertamerta.
- Bertenang.
- Segera keluar bangunan dari pintu-pintu kecemasan yang terdekat.
- Seterusnya pergi ke Tempat Berkumpul Kebakaran (*Fire Assembly Point*) yang disediakan.
- Semua pekerja hendaklah berada di Tempat Berkumpul Kebakaran sehingga mendapat kebenaran bersurai oleh *Fire Marshal* Unit.



Lonceng Amaran
Kebakaran
Berbunyi



Tanggungjawab *Fire Warden* Jabatan:

- Bersegera menjalankan tugas dengan memberikan arahan kepada pekerja supaya keluar dari bilik pejabat menuju ke Tempat Berkumpul Kebakaran dengan selamat.
- Membuat catitan kehadiran di Tempat Berkumpul Kebakaran dan melaporkan kehadiran kepada *Fire Marshal* Unit.



Tanggungjawab *Fire Marshal* Unit:

- Menghubungi Balai Bomba Awam atau ABDB.
- Memberikan maklumat tentang lokasi isyarat amaran kebakaran bangunan yang berbunyi kepada pihak Bomba Awam atau ABDB yang tiba di tempat kejadian.
- Mengambil catitan kehadiran semua pekerja di Tempat Berkumpul Kebakaran dari *Fire Warden*.
- Mengarahkan semua yang berada di Tempat Berkumpul Kebakaran bersurai apabila keadaan sudah selamat atau setelah menerima arahan dari pihak Bomba.

